

04 AUG 1999

MAHATHIR LANCAR MAPEN 2

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN 2) yang akan merumuskan dasar sosio-ekonomi baru selepas tahun 2000.

Majlis pelancaran itu diadakan di Dewan Tun Hussein Onn di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Tugasan MAPEN 2 yang meliputi tempoh 2000-2010, akan bertolak daripada pencapaian Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan Pelan Pelaksanaan Jangka Panjang Kedua.

MAPEN 2 dirancang sebagai bahagian penting dalam proses merumuskan dasar pembangunan negara Malaysia bagi dekad pertama alaf baru.

Majlis itu dianggotai oleh wakil pelbagai pertubuhan, peringkat sosial dan lapangan hidup untuk memastikan pendapat yang dikemukakan akan mewakili keseluruhan rakyat Malaysia.

-- BERNAMA
AFY RYN NMO